

06 JUN 1996

Muhammad-BM

SELANGOR ARAH PIHAK BERKUASA TEMPATAN BETULKAN KEGUNAAN BM

SHAH ALAM, 6 Jun (Bernama) -- Semua kerajaan tempatan di Selangor diarah bertindak segera memperbetulkan kesalahan penggunaan Bahasa Malaysia di papan-papan tanda.

Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib mengeluarkan arahan itu berikutan penggunaan Bahasa Malaysia yang salah dari segi nahu dan ejaan di papan-papan tanda yang keterlaluan sekarang.

"Saya telah mengeluarkan arahan hari ini kepada semua pihak berkuasa tempatan agar bertindak segera memperbetulkan kesalahan penggunaan Bahasa Malaysia di papan-papan tanda di kawasan masing-masing," katanya pada persidangan berita di sini, hari ini.

Katanya, kegunaan Bahasa Malaysia yang salah termasuk di papan-papan perlu diperbetulkan dengan segera bagi menjamin martabat bahasa rasmi negara tetap terbela.

Beliau berkata keadaan itu berlaku berikutan sikap tidak mengambil berat sesetengah pihak terhadap kepentingan Bahasa Malaysia dan ianya amat mendukacitakan.

Beliau berkata penggunaan Bahasa Malaysia yang salah terutamanya dari segi nahu dan ejaan itu juga telah mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Muhammad berkata bahawa beliau mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri di Jabatan Perdana Menteri pagi ini dan Dr Mahathir bersetuju satu tindakan tegas diambil bagi memperbetulkan kesalahan itu.

Katanya, mulai sekarang semua pihak berkuasa tempatan di Selangor hendaklah memastikan papan-papan tanda yang hendak diluluskan mempamerkan Bahasa Malaysia yang betul.

Muhammad berkata kerajaan tempatan juga akan diminta menyediakan laporan rasmi berhubung penggunaan Bahasa Malaysia yang salah di papan-papan tanda di kawasan masing-masing untuk dibincangkan dalam mesyuarat Exco Kerajaan Negeri minggu depan.

-- BERNAMA

KM AHH